



Anwar pada Sesi Santai Petang dan Dialog Bersama Perdana Menteri di Kolej Vokasional Langkawi, semalam.

(Foto BERNAMA)

Ambil kira kesan undi masa depan

Anwar minta anak muda nilai pemimpin mahu dipilih pada pilihan raya

Oleh M Hifzuddin Ikhsan
hifzuddin@bh.com.my

Langkawi: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan generasi muda agar berfikir dan menilai dahulu pemimpin yang mahu dipilih mereka pada pilihan raya supaya tidak tersalah undi pihak yang melakukan penyelewengan.

Pada masa sama, Perdana Menteri menasihatkan generasi berkenaan tidak menggunakan hak mengundi tanpa mengambil kira kesan undi mereka kepada masa hadapan.

"Golongan muda tidak boleh menjadikan hak sebagai pengundi dengan memberikan undi tanpa berfikir dan menilai kesannya kepada mereka.

"Sebagai golongan yang bakal memimpin negara pada suatu masa nanti, anak muda perlu ada nilai dalam idealisme termasuk dalam percakapan dan amalan.

"Tindakan menggunakan hak mengundi tanpa mengambil kira kesan kepada masa hadapan hanya akan menyebabkan kerugian apabila pihak yang melakukan penyelewengan dipilih menjadi pemimpin," katanya.

Menghuraikan demikian pada Sesi Santai Petang dan Dialog Bersama Perdana Menteri di Kolej Vokasional Langkawi di sini, semalam, beliau berkata, generasi muda mempunyai nilai dan idealisme, bukan mempertahankan-

kan penyelewengan.

"Orang yang ada nilai tidak melakukan penindasan dan peme-
rasan. Apa juga tindakan yang diambil anak muda termasuk dalam kuasa politik, kena fikir dulu. Saya nanti nak kerja mana, gaji berapa?"

"Gunakan hak memilih dengan berfikir. Ada kata undi Anwar nanti orang Cina berkuasa, Islam akan dibenamkan, itu tak betul kalau kita percaya. Maknanya kita tertipu dengan propaganda politik, kena ada alasan dan hujah, sebab itu anak muda mesti dilatih untuk berfikir," katanya.

Kaji maklumat diterima

Mengulas lanjut, Perdana Menteri menegaskan, anak muda tidak boleh memiliki perangai lebih teruk daripada golongan terdahulu yang melakukan pelbagai

perangai negatif.

Sebaliknya, beliau berkata, mereka perlu melihat dan mengkaji setiap maklumat yang diterima dan tidak sewenang-wenangnya percaya kepada mana-mana pihak yang cuba mengambil kesempatan ke atas mereka.

"Ada anak muda perangai lebih teruk daripada orang tua, ada anak muda, tapi jadi tali barut apabila mempertahankan penyelewengan dan penindasan. Apa erti anak muda sebegitu? Jadi anak muda, ikut sahaja apa yang diperkatakan dan jadi seperti mereka yang tidak berfikir.

"Anak muda yang kita mahu mesti ada nilai dari segi keyakinan dan minat hendak bawa perubahan, minat dalam menimba ilmu, minat dan cita-cita membawa kebaikan. Itu yang disebut idealisme," katanya.